

20 AUG 1998

DAGANGAN-RINGGIT/I

LEBIH BANYAK RINGGIT AKAN DIGUNAKAN BAGI DAGANGAN DALAM ASEAN

Oleh: Tham Choi Lin

PETALING JAYA, 20 Ogos (Bernama) -- Malaysia menjangka akan menggunakan ringgit dengan lebih meluas dalam perdagangan dengan rakan Aseannya berikutan pemeteraian perjanjian pembayaran dua hala (BPA) dengan Filipina, Vietnam dan Laos dengan tanda-tanda bahawa lebih banyak perjanjian akan ditandatangani dalam menghadapi krisis ekonomi serantau.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan (Dasar) Datuk Dr Abdul Aziz Mohd Yaacob berkata rundingan-rundingan untuk menandatangani perjanjian yang serupa dengan Thailand telahpun mencapai kemajuan.

Indonesia dan Myanmar juga telah menunjukkan minat mereka dan adalah dijangkakan bahawa negara-negara Asean yang lain juga akan turut serta, katanya pada satu seminar bagi 200 peniaga komoditi mengenai penggunaan matawang serantau dan mekanisme persetujuan pembayaran dua hala dalam dagangan luar.

"Bagaimanapun, cadangan menggunakan matawang tempatan dalam dagangan dua hala tidak hanya terhad kepada negara-negara Asean. Malaysia juga telah menyarankan gagasan ini kepada negara-negara bukan Asean seperti China, Jepun dan India yang telah memperlihatkan minat yang mendalam," katanya.

Kira-kira 70 peratus penyelesaian perdagangan Malaysia dibuat dengan menggunakan matawang Amerika yang telah meningkat nilainya berbanding kebanyakan matawang. Hanya kira-kira 15 peratus dagangan dibuat dalam ringgit dan 6.5 peratus dalam yen Jepun.

Asean merupakan rakan dagangan Malaysia yang terbesar dengan nilai dagangan meningkat daripada AS\$29.33 bilion dalam tahun 1994 kepada AS\$37.32 bilion pada tahun 1996 sebelum merosot kepada AS\$27.46 bilion pada tahun 1997.

Dolar A.S. sememangnya menjadi matawang penyelesaian utama bagi perdagangan antara Asean yang meningkat daripada AS\$115.7 bilion pada tahun 1994 kepada AS\$115.2 bilion pada tahun 1996 tetapi telah susut sebanyak 15.5 peratus tahun lalu disebabkan krisis matawang.

Abdul Aziz berkata penggunaan matawang Asean akan meningkatkan perdagangan serantau kerana nilai-nilai matawang Asean berbanding satu sama lain lebih stabil daripada berbanding dolar A.S.

Katanya, penggalakkan perdagangan antara Asean dengan menggunakan matawang-matawang tempatan akan menjadi inisiatif yang strategik memandangkan peluasannya yang dijangkakan dengan kewujudan Kawasan Perdagangan Bebas Asean dan Kawaasan Pelaburan Asean.

Beliau berharap dengan penerimaan meningkat mekanisme BPA di kalangan negara-negara Asean, persetujuan dua hala ini boleh diperluaskan menjadi satu persetujuan pelbagai hala seperti Kesatuan Penjelasan Asia (ACU) yang diwujudkan pada tahun 1975 antara tujuh negara selatan Asia yang terdiri daripada India, Bangladesh, Iran, Myanmar, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka.

Abdul Aziz berkata penggunaan matawang-matawang Asean dalam dagangan sesama Asean telah wujud sekian lama walaupun jumlahnya tidak besar.

Tahun lalu, sebahagian daripada dagangan Malaysia dengan Brunei, Singapura dan Thailand telah dibayar dengan menggunakan matawang masing-masing.

Cadangan menggunakan matawang serantau dalam perdagangan sesama Asean ini telah dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan telah disambut baik oleh pemimpin-pemimpin Asean dalam sidang pucak tidak rasmi mereka di Kuala Lumpur Disember lalu.

Sementara itu, Ketua Jabatan Ekonomi Bank Negara Latifah Merican Cheong

berkata bank pusat itu telah menandatangani BPA dengan 28 negara sejak penubuhannya pada tahun 1988 dan tidak pernah berlaku kegagalan membayar.

Bercakap pada seminar yang sama terdahulu daripada itu, beliau berkata BPA adalah satu langkah bagi perdagangan pada masa ini disebabkan oleh kemudahruapan tukaran asing.

Latifah berkata BPA menggalakkan perdagangan oleh sektor swasta kerana pengeksport dijamin mendapat bayaran dan Bank Negara, sebagai pusat penjelasan, akan menanggung semua risiko tukaran asing. -- BERNAMA

TCL KY JR